

SULIT

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10343**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan proses dan pewajaran bagi pelarangan buku-buku tertentu, apakah bukti yang digunakan dan siapakah panel yang menilai buku-buku tersebut.**

SULIT

SULIT

**JAWAPAN****Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , berdasarkan peruntukan Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP 1984), Menteri Dalam Negeri boleh mengenakan perintah larangan (pengharaman) terhadap apa-apa hasil penerbitan jika didapati kandungannya mengandungi mana-mana 7 elemen seperti berikut:**

- i. memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam;**
- ii. memudaratkan atau mungkin memudaratkan kemoralan;**
- iii. memudaratkan atau mungkin memudaratkan keselamatan;**
- iv. mungkin menggemparkan fikiran orang ramai;**
- v. berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang;**
- vi. memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam; dan**
- vii. memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan negara.**

**Dalam hal ini, Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* melarang, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan,**

SULIT

99

SULIT

pengeluaran, pengelilingan, pendedaran atau pemilikan hasil pengeluaran itu dan hasil-hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan.

Penerbitan yang dikategorikan sebagai *hasil penerbitan yang tak diingini* yang bakal dikenakan Perintah Larangan perlu melalui proses kajian, penilaian dan analisis oleh panel pakar pelbagai peringkat termasuk agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Negeri serta agensi-agensi lain Kerajaan untuk mendapatkan pandangan dan perakuan bagi menentukan kandungannya yang melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 sebelum dikenakan Perintah Larangan dan diwartakan untuk makluman umum.

Kajian dan penilaian ini penting supaya tindakan mengenakan Perintah Larangan berkenaan adalah wajar dan perlu bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan ketenteraman awam serta keselamatan rakyat dan masyarakat sejajar dengan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Kementerian juga perlu menjustifikasikan tindakan Perintah Larangan berkenaan supaya dapat dipertahankan jika dicabar di mahkamah kelak.

SULIT